**Sel. P.U. 8.**

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN)
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127 dan dibaca bersama dengan seksyen 112 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Pengkompaunan Kesalahan) Lembaga Urus Air Selangor 2006** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 9 Mac 2006.

**Tafsiran**

2. Apa-apa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-peraturan ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberi kepadanya dalam Enakmen.

**Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun**

3. (1) Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama boleh dikompaun dengan amaun bayaran sebagaimana dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

(2) Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa seperti yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga hendaklah mempunyai kuasa untuk menawarkan kompaun kepada mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. [*Sel. P.U. 36/2011*]

(3) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah subperaturan (2) hendaklah mengeluarkan suatu notis untuk mengkompaun kesalahan dalam Borang A Jadual Kedua.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (6), tawaran tersebut hendaklah menyatakan suatu jumlah yang ditawarkan bagi mana-mana kesalahan yang akan dikompaunkan dan suatu tarikh yang menetapkan jumlah pembayaran tersebut mesti dibuat.

(5) Seseorang yang bersetuju untuk menerima suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dengan menggunakan Borang B Jadual Kedua.

(6) Jumlah wang yang boleh dipungut bagi pengkompaunan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen tidak boleh melebihi had kompaun maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(7) Sesuatu tawaran untuk mengkompaun satu kesalahan bolehlah dibuat pada bila-bila masa selepas sesuatu kesalahan telah dilakukan tetapi sebelum sebarang pendakwaan dimulakan, dan apabila suatu jumlah yang ditentukan dalam tawaran tidak dibayar di dalam tempoh masa yang dinyatakan, pendakwaan bagi kesalahan itu bolehlah dimulakan pada bila-bila masa selepas itu tanpa sebarang notis yang diberi kepada mana-mana orang yang sesuatu tawaran telah dibuat terhadapnya.

**Cara pembayaran**

4. (1) Pembayaran kompaun hendaklah dibayar secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank kepada Lembaga Urus Air Selangor dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Pembayaran boleh diserahkan sendiri kepada orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran kompaun, atau jika dihantar melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada Pengarah, Lembaga Urus Air Selangor.

(3) Setiap pembayaran yang diterima hendaklah dianggap kepunyaan Lembaga dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi pembayaran itu sepertimana dalam Borang C Jadual Kedua.

(4) Walau apa pun subperaturan 3(4), pegawai yang membuat tawaran untuk mengkompaun satu kesalahan bolehlah menerima satu jumlah daripada jumlah sebenar yang perlu dibayar olehnya selepas dari tarikh yang dibenarkan dalam tawaran sesuatu kompaun, dengan syarat pembayaran itu hendaklah diterima tidak melebihi 14 hari daripada tarikh yang telah dinyatakan di bawah subperaturan 3(4).

## JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 3(1)]

| *Kesalahan-kesalahan*<br>(1) | *Had maksimum kompaun*<br>(2) | |
|---|---|---|
| Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 | | |
| (i) Seksyen-seksyen 42(1), 53(1), 58(1), 60(2), 61(2), 65(1), 66(1) dan (2) dan 97. | RM3,000.00 | [*Sel. P.U. 36/2011*] |
| (ii) Seksyen-seksyen 41(2), 41(4) ,43(1), 43(4), 44(5),48(9), 4 9 (3), 50(3), 5 2 (1), 5 2 (7), 59(2), 6 3(4), 70(1), 70(3), 7 2 (4), 7 3 (8), 75(7), 76(5), 78(4), 79(4), 93(3), 96(5), 98(4), 100(2), 105(3), 107, 111, 121(2), 122(7). | Satu jumlah yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah maksimum denda yang diperuntukkan bagi setiap kesalahan. | [*Sel. P.U. 36/2011*] |

JADUAL KEDUA

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN)
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 2006

**Borang A**
[Subperaturan 3(3)]

No. Siri:
Tarikh:

Kepada: …………………………………………..
……………………………………………….........
……………………………………………….........

Tuan/Puan,

**TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Adalah didapati oleh saya, atas maklumat/aduan yang diterima, bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang berikut:

Peruntukan Undang-undang/Peraturan: ……………………………………………....
Tarikh Kesalahan Dilakukan: ………………………… Masa:
……………………..... Tempat Di mana Kesalahan Dilakukan:
……………………………………………… Butir-butir Kesalahan:
...............…………………………………………………………

2. Tuan/Puan adalah dengan ini diberitahu bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh seksyen 127 dibaca bersama dengan seksyen 112 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan subperaturan 3(2) Peraturan-peraturan (Pengkompaunan Kesalahan) Lembaga Urus Air Selangor 2006, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaunkan kesalahan bagi jumlah sebanyak (Ringgit Malaysia) RM…………………………………… Jika tawaran ini diterima, bayaran hendaklah dibuat secara tunai, atau dengan kiriman wang, kiriman wang pos atau deraf bank yang boleh dibayar kepada Lembaga Urus Air Selangor dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja" dan hendaklah disampaikan di alamat pejabat Lembaga yang dinyatakan di atas. Satu resit rasmi akan dikeluarkan selepas sebarang dibuat.

3. Tawaran ini akan tamat tempohnya pada……………………………… Jika bayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima sebelum pejabat ditutup, pada tarikh tersebut, tiada tindakan undang-undang akan diambil terhadap tuan/puan berkaitan dengan kesalahan tersebut. Jika tidak, pendakwaan mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa sebarang notis lanjut.

..........................................................................
Tandatangan pegawai yang mengkompaun

Nama: …………………………….............

Jawatan: …………………………….............

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN)
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 2006

[Subperaturan 3(5)]

Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor.

**Borang B**

**PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN**

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompaun kesalahan yang mempunyai No. Siri Rujukan............................................................................... dan bertarikh ............................................. Saya menerima tawaran tersebut dan bersama-sama ini disertakan *wang tunai/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank* No:.................................... berjumlah sebanyak RM........................................................ sebagai bayaran sepenuhnya kompaun itu.

Tandatangan : ……………………………….............

Nama (Huruf Besar) : ……………………………….............

No. Kad Pengenalan : ……………………………….............

Alamat : ……………………………….............

.........................................................................................

Tarikh : ……………………………….............

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN)
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 2006

[Subperaturan 4(3)]

**Borang C**

**RESIT**

Resit No: ………………........

Resit diterima daripada ……………………………………………….................................. untuk:……………………………............. bagi jumlah sebanyak (Ringgit Malaysia) RM…………………................... sebagai bukti penerimaan dan bayaran untuk kompaunyang ditawarkan berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukan dirujuk pada No.Siri………………….. bertarikh: ……………………………

Tarikh: ……………………….

| | |
|---|---|
| Tandatangan | :……………………………….............. |
| Nama | :……………………………….............. |
| Jawatan | :……………………………….............. |

JADUAL KETIGA

1. Pengarah
2. Ketua Penolong Pengarah
3. Pegawai Undang-undang

Dibuat 8 Februari 2006
[LUAS(IPUP) 10012/A4 Jld. 1; PU. Sel. Mesy/0101/E]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Selangor*

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuatkuasa daripada |
|---|---|---|
| Sel. P. U. 36 | Peraturan-Peraturan (Pengkompaunan Kesalahan) Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 2011 | 9 Mac 2006 |

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2006

IN exercise of the powers conferred by section 127 and read with section 112 of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. 2/1999*], the Authority with approval of the State Authority makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. These Regulations may be cited as the **Selangor Waters Management Authority (Compounding Of Offences) Regulations 2006** and shall come into operation on the 9 March 2006.

**Interpretation**

2. Any words and phrases used in these Regulations shall, unless the context otherwise requires, have the same meaning assigned to it under the Enactment.

**Compoundable offences**

3. (1) The offences specified in column (1) of the First Schedule may be compounded by the payment of such amount so specified in column (2) of the Schedule.

(2) The Director or any authorized officer as listed out in the Third Schedule shall have the authority to compound any offences specified in the First Schedule. [*Sel. P.U. 36/2011*]

(3) Any duly authorized officer referred to under subregulation (2) shall issue notice to compound the offence in Form A of the Second Schedule.

(4) Subject to the subregulation (6), the offer shall state the sum for which the offence will be compounded and the date by which the sum must be paid.

(5) A person who accepts an offer to compound shall furnish payment for the compound by using Form B of the Second Schedule.

(6) The sum of money to be collected for the compounding of an offence under the Enactment shall not exceed the limit of maximum compound as specified in the First Schedule.

(7) An offer to compound may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and where the amount specified in the offer is not paid within the time specified therein, prosecution for the offence may be instituted at any time thereafter without any further notice being given to the person to whom the offer was made.

**Mode of payment**

4. (1) The payment of the compound shall be made in cash or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft made payable to the Selangor Waters Management Authority and crossed "Account Payee Only".

(2) Payment may be delivered personally to the person authorized to make the offer of compound, or if send by post, it must be addressed to the Director, Selangor Waters Management Authority.

(3) Every payment received shall be considered as money belonging to the Authority and an official receipt shall be issued for the payment as in Form C of the Second Schedule.

(4) Notwithstanding subregulation 3(4), the person making the offer to compound may accept in composition any sum of the correct amount paid latter than the time allowed in the offer to compound, provided that such payment is received not latter than fourteen days after the date stipulated under subregulation 3(4).

## FIRST SCHEDULE

[Subregulation 3(1)]

| *Offences* | *Limit of maximum compound* | |
|---|---|---|
| (1) | (2) | |
| Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 | | |
| (i) Sections 42(1), 53(1), 58(1), 60(2), 61(2), 65(1), 66(1) and (2), and 97. | RM3,000.00 | [*Sel. P.U. 36/2011*] |
| (ii) Sections 41(2), 41(4), 43(1), 43(4), 44(5), 48(9), 49(3), 50(3), 52(1), 52(7), 5 9 (2), 63(4), 70(1), 70(3), 72(4), 73(8), 75(7), 76(5), 78(4), 79(4), 93(3), 96(5), 98(4), 100(2), 105(3), 107, 111, 121(2), 122(7). | The sum not exceed than one fourth of the amount of the maximum fine provided for the offence | [*Sel. P.U. 36/2011*] |

## Second Schedule

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

Selangor Waters Management Authority (Compounding of Offences) Regulations 2006

**Form A**

[Subregulation 3(3)]

Serial No:
Date:

To: ………………………………………….

………………………………………………

………………………………………………

Sir/Madam,

**OFFER TO COMPOUND OFFENCE**

It appears to me, on information/compliant received, that you have committed the following offence(s):

Relevant Provisions of the law ……………………………………….……….……… Date of Offences: …………………………… Time: ………………………………….. Place of Offences: ……………………………………………………………………….
Particulars of Offence(s): …………………………………………………….……….

2. You are hereby informed that, by virtue of the powers vested in me by section 127 read with section 112 of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 and subregulation 3(2) of the Selangor Waters Management Authority (Compounding Of Offences) Regulations 2006, I am prepared, and hereby offer, to compound the offences for the sum of (Ringgit Malaysia) RM……………………………………….. If the offer is accepted, payment shall be made in cash or by way of Money Order, Postal Order, or Bank Draft made payable to the Selangor Waters Management Authority and crossed “Account Payee Only” and delivered to the above-quoted office. An official receipt will be issued upon payment.

3. This offer to compound the offences will lapse on……………………………… If sum stated above is received by the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence. Otherwise, prosecution may be instituted against you without further notice.

............................................................................

Signature of compounding officer

Name : ……………………………...........

Designation : ……………………………...........

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2006

[Subregulation 3(5)]

Director,
Selangor Waters Management Authority.

**Form B**

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND**

I refer to the offer to compound an offence Reference Serial No……………………. dated…………………….................. I accept the offer and enclose herewith * cash/money order/cashier's order/bankers's order/bank draft No:……………………..................................... for the sum of RM ……………………...............................…… being the full settlement of the compound.

Signature :………………………………......

Name (BlockLetters) :………………………………......

Identification Card No. :………………………………......

Address :………………………………......

..........................................................................................

Date :………………………………......

*Delete whichever is inapplicable.

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2006

[Subregulation 4(3)] **Form C**

**RECEIPT**

Receipt No:…………………………

Receipt from…………………………………………….... of:……………………….....……
the sum of (Ringgit Malaysia) …………………….........…… only in acceptance and payment of an offer of composition in respect of the offence referred to in Serial No………………….. dated………………………………………

Dated……………………….

Signature :…………………………………….....

Name :…………………………………….....

Designation :…………………………………….....

THIRD SCHEDULE

1. Director
2. Principal Assistant Director
3. Legal Officer

Made 8 February 2006
[LUAS(IPUP) 10012/A4 Jld. 1; PU. Sel. Mesy/0101/E]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Clerk*
*State Executive Council Meeting*
*Selangor*

LIST OF AMENDMENTS

| Amending law | Short title | In force from |
|---|---|---|
| Sel. P.U.36 | Selangor Waters Management Authority (Compounding of Offences) (Amendments) Regulations 2011 | 9 hb Mar 2006 |